

15/11/1998

1,500 delegasi Apec tiba

KUALA LUMPUR: Kira-kira 1,500 wakil delegasi yang akan menghadiri sidang kemuncak perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sudah berkumpul untuk pendaftaran sebelum perasmiannya hari ini.

Perasmian sidang kemuncak perniagaan itu akan dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dan ia akan diikuti dengan sesi perbincangan plenari pelbagai peringkat dan mengikut sektor sehinggalah Rabu.

Dr Mahathir juga akan mengadakan sesi dialog selepas merasmikan sidang kemuncak itu manakala Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton akan memberi ucap tama pada majlis makan malam pada Isnin.

Pendaftaran untuk wakil delegasi Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) sebenarnya sudah dibuka sejak beberapa hari lalu dan ada di antara mereka yang mendaftar lebih awal.

Sementara itu, tempat mendaftar di PWTC yang dibuka untuk pendaftaran peserta termasuk penceramah dan media yang dibuka sejak 7 pagi hingga 10 malam, mendapat sambutan terutama pada sebelah pagi dan petang.

(END)